

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء  
والمرسلين ، سيدنا ومولانا مُحَمَّدٍ وعلى آله وصحبه ومن تبعه  
بإحسان إلى يوم الدين

Yang dihormati, tetamu kehormat, Penasihat Pejabat Mufti, Tuan Shaikh Syed Isa Bin Mohd Semait. Barisan anggota Majlis Tertinggi Pergas, Pengarah Eksekutif Pergas, Mudir dan Mudirah Madrasah, para asatizah, para ahli, para petugas dan hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh,

1 Alhamdulillah, segala puji dan syukur bagi Allah s.w.t. kerana kita dapat berkumpul untuk menjalinkan silaturrahim di majlis sambutan hari raya ini. Terima kasih saya ucapkan kepada anda sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri majlis ini.

2 Selain dari mengeratkan silaturrahim dan mengukuhkan hubungan sesama ahli. Dalam ajaran Islam, persaudaraan atau ukhuwwah sangatlah penting. Islam menganjurkan agar sesama Muslim harus senantiasa menjaga persaudaran sesama mereka. Dalam surat Al-Hujurat, Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

“Sesungguhnya orang-orang Mukmin itu bersaudara kerana itu damaikanlah diantara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.”

(Al-Hujuraat: 10).

Begitu juga dengan hadis: “Orang Mukmin dengan Mukmin lainnya bagaikan suatu bangunan kukuh yang saling menguatkan antara satu dengan lainnya.” (Bukhari)

3 Pergas dibangunkan pada asalnya untuk menyatukan para guru agama dan menjaga kebajikan mereka. Kemudian sejajar dengan keperluan masa kini, Pergas memberi tumpuan kepada tiga teras utama iaitu Kepimpinan Keagamaan, Pembangunan Asatizah dan Pendidikan Islam.

### **Kebajikan dan Pembangunan Asatizah**

4 Bertepatan dengan matlamat asal Pergas untuk menjaga kebajikan asatizah. Sejak 2013 sehingga tahun 2015 sahaja, lebih \$147,000 dibelanjakan untuk bantuan bulanan bagi membantu asatizah yang memerlukan, yang jumlahnya mencecah lebih dari 20 asatizah. Beberapa daripadanya sudahpun meninggalkan kita semua. Melalui skim anak angkat madrasah, Pergas juga membantu pelajar madrasah yang memerlukan. Sehingga kini sejumlah \$41,000 dibelanjakan, dan lebih 112 pelajar dari keenam-enam madrasah sudah menerima faedah ini. Tidak lupa juga bagipara asatizah yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi. Pergas telah membantu 13 calon pos siswazah sarjana dan kedoktoran sejak tahun 2013. Pada majlis hari ini, Pergas akan mengumumkan 5 lagi calon asatizah yang telah menerima biasiswa dan geran Pergas yang berjumlah antara \$3,000 hingga \$20,000 seorang.

5 Sebagai mengenang sumbangan asatizah. Anugerah ini yang pertama kali diperkenalkan pada tahun 2014, bertujuan bagi memberi pengiktirafan kepada asatizah tempatan yang telah banyak menyumbang kepada kemajuan dakwah kepada masyarakat Islam setempat. Ini secara tidak langsung sebagai

pencetus semangat epada golongan asatizah untuk terus memperjuangkan dakwah Islam di negara kita, Singapura.

6 Pada majlis yang lepas, dua orang asatizah telah diberikan penganugerahan ini iaitu Almarhum Ustaz Khairudin Abdul Hamid, Penerima Anugerah Obor Ummah, dan Ustaz Dr Firdaus bin Yahya, Penerima Anugerah Asatizah Harapan. Atas dasar itu, Pergas berharap dapat memberikan pengiktirafan ini setiap dua tahun. Hari ini, kita bakal meraikan 3 lagi penerima Anugerah Pergas.

### **Pendampingan Masyarakat Melalui Dakwah Ke Penjara & Pendidikan Islam**

7 Pada Ramadhan yang lepas, satu lagi usaha dakwah Pergas dalam mendekati masyarakat telah dipaparkan di media melalui rancangan Lensa Ramadan di saluran Suria, iaitu Program Insan Mukmin. Program ini merupakan inisiatif dakwah untuk para tahanan penjara, kendalian Jabatan Pendampingan Dakwah Masyarakat. Program ini adalah merupakan satu peningkatan kepada program-program keagamaan penjara yang telah dijalankan sebelum ini. Alhamdulillah, program perintis yang melibatkan 24 tahanan telah pun selesai pada Januari lalu. Insya Allah fasa seterusnya dan terakhir bakal dijalankan semasa para tahanan sudah dibebaskan dan akan berlangsung pada bulan September nanti. Program ini akan dilancarkan sepenuhnya pada Januari, 2018.

8 Institut Pengajian Islam juga kini dalam usaha untuk mengembangkan program sarjana mudanya bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang telah dimulakan sejak 2005 ke peringkat sarjana atau MA Fiqh dan Usul Fiqh & Usuluddin dan Perbandingan Agama. Ia kini dalam peringkat perbincangan. Doakan ianya berjaya. Jika segalanya berjalan

lancar, kita berharap dapat mewarwarkan program ini pada suku ketiga tahun ini.

### **Memanfaatkan Wadah Media Sosial**

9 Pergas juga semakin mengorak langkah dalam memanfaatkan wadah media sosial. Melalui program Nur Ramadan, siri ceramah agama harian dalam bentuk video online sepanjang Ramadan yang lalu. Ianya mendapat sambutan yang hangat dan ditonton lebih daripada 123,000 pengunjung, berbanding dengan hanya 67,000 pengunjung pada tahun sebelumnya. Peningkatan hampir 100%.

10 Website Pergas kini juga bernafas baru. Di mana pengguna kini boleh menderma dan membayar zakat secara online di website kami. Para ahli dan asatizah juga kini boleh membayar yuran dan mendaftarkan diri bagi mengikuti kursus-kursus pembangunan asatizah dan kelas pendidikan melalui website Pergas. Insha Allah, pada akhir tahun ini juga, Portal ARS akan dilancarkan. Di mana asatizah kita boleh mengikuti kursus-kursus ARS dan mendapatkan maklumat berkaitan melalui portal tersebut.

11 Dengan itu, kami berharap ia akan dapat membantu lebih ramai ahli Pergas melunaskan yuran keahlian mereka. Ini kerana kami juga telah meningkatkan faedah keahlian Pergas dengan kerjasama beberapa syarikat setempat antaranya syarikat pelancongan, busana Muslimah, beberapa restoran Muslim dan sebagainya. Ini tidak termasuk potongan harga dalam mengikuti program Pergas dan lain-lain faedah.

### **Perkembangan Inisiatif Hijab**

12 Pada masa yang sama juga, kami kini juga telah memulakan kaji selidik bagi tinjauan umum terhadap hijab di industri kesihatan. Ia merupakan inisiatif bersama Jabatan

Pembangunan Kajian dan Pendampingan Dakwah Masyarakat yang merupakan sebahagian dari inisiatif Pergas bagi isu hijab.

13 Tinjauan ini merupakan kerjasama bersama MHPA (Muslim Healthcare Professionals Association). Tinjauan ini memberi tumpuan kepada pandangan umum terhadap penggunaan hijab di kalangan staf yang bertugas di industri kesihatan, seperti doktor, jururawat, ahli fisioterapi, ahli radiologi, paramedik dan sebagainya. Kajian ini diharapkan dapat menjana fakta dan dapatan bagi perbincangan bersama pemerintah, pihak berkepentingan (stakeholders), dan sebagai rujukan akademik.

### **Mencorak Kepimpinan Agama**

14 Suka juga ingin saya ingatkan kepada semua asatizah, mengenai peranan kita di dalam mencorak kehidupan keagamaan di negara ini seperti yg telah dibicarakan oleh Mufti Ustaz Dr Mohamed Fatris Bakaram pada majlis Perjumpaan Hari Raya Asatizah beberapa hari lepas. Di dalam kehidupan kita di Singapura ini di tengah-tengah lingkungan masyarakat majmuk, asatizah perlu bertindak sebagai pembimbing atau 'role model' ke arah pengamalan kehidupan wasatiyyah. Sebenarnya panduan pengamalan kehidupan wasatiyyah atau kesederhanaan ini telah lama digariskan di dalam penerbitan buku Kesederhanaan dalam Islam yang diterbitkan Pergas pada tahun 2004. Buku ini seharusnya dijadikan sandaran kepada asatizah sebagai 'manual' di dalam mencorak kepada kehidupan kesederhanaan dan juga di dalam menyatupadukan para asatizah. Semoga kita dapat bersatu mengelakkan perpecahan dan kegusaran kepada kehidupan masyarakat dan menyumbang terus kepada keamanan negara.

15 InshaAllah, pada Januari nanti, Pergas akan menganjurkan Konferen 'Kesederhanaan dalam Islam', ia merupakan kemuncak bagi siri wacana ilmiah kami sejak tahun 2014, dan juga merupakan lanjutan kepada Konvensyen Ulama dan penerbitan buku kesederhanaan dalam Islam. Konferen ini diharapkan dapat membentuk kepimpinan dan panduan keagamaan agama kepada masyarakat dalam perkara wasatiyyah, selain memperkemaskan buku Kesederhanaan dalam Islam yang diterbitkan pada tahun 2004 dengan isu-isu terkini yang relevan dengan perkembangan semasa dan mutakhir.

16 Pergas akan terus berusaha untuk menyebarkan sayapnya di dalam membangunkan kepimpinan keagamaan, meningkatkan potensi asatizah dan mengembangkan pendidikan Islam. Saya berharap agar para ahli berkongsi sama usaha dan keprihatinan ini dengan sentiasa mengambil berat akan perkembangan Pergas dan sedia memberi sumbangan. Pergas kini menyediakan pelbagai wadah untuk memaklumkan perkembangannya. Antara wadah utama adalah melalui Sesi Perkongsian Pelan Bertindak, Mesyuarat Agung Tahunan, majalah Ar-Risalah dan media sosial, dan ini termasuklah dalam perjumpaan tahunan Hari Raya Pergas.

### **Melangkah Ke Hadapan**

17 Melangkah ke hadapan, Pergas akan mengadakan Pelan Strategik Pergas pada 1 & 2 Oktober 2016 ini. Ianya bertujuan untuk merancang hala tujuan Pergas secara strategik selama 4 tahun.. Persediaan Pelan strategik telah dimulakan dengan menganalisa maklumat dalaman (spt FGD, survey) dan luaran (Perancangan senario, kajian Tren dll).

18 Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada para ahli yang kini semakin ramai terlibat

secara aktif dan memberi sumbangan kepada Pergas. Terima kasih saya ucapkan kepada para asatizah yang sudi mengajar di IPIP, para sukarelawan yang terdiri dari Majlis Pelajar Pergas dan para ahli yang tidak jemu menghulurkan tenaga bagi aktiviti-aktiviti kendalian Pergas. Ucapan terima kasih juga kepada mereka yang tidak lelah menyumbang idea dan pemikiran sama ada melalui bentuk penulisan seperti artikel Ar-Risalah, komentar Pergas, Wasat dan sebagainya ataupun melalui komiti seperti ahli lembaga akademik IPIP, panel kajian Pergas serta panel biasiswa pos-siswazah dan anugerah Asatizah.

Saya akhiri dengan ucapan Selamat Hari Raya, minal 'aeidin wal faezin wal maqbulin, kullu 'am wa antum bi khair. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.